

19 JUL 2001

Mahathir-Tambang

TAMBANG DOMESTIK MAS MASIH RENDAH, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Tambang domestik MAS masih merupakan antara yang termurah di rantau ini walaupun setelah ia dinaikkan sebanyak 51.8 peratus, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tambang MAS adalah satu pertiga daripada tambang domestik Garuda (syarikat penerbangan Indonesia). Kita mengenakan tambang yang begitu murah," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara, beliau berkata kerajaan sanggup mengenakan tambang yang rendah untuk golongan miskin dan sebab itulah kenaikan itu tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mengumumkan kenaikan itu selepas mesyuarat kabinet semalam, berkata tarikh kuatkuasanya bergantung kepada MAS.

Dr Mahathir berkata kerajaan yakin orang ramai tetap akan menggunakan MAS walaupun harga tiket dinaikkan.

"Ia jauh lebih rendah daripada kadar domestik yang dikenakan di negara-negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata orang ramai perlu faham bahawa MAS mengalami kerugian besar dan sebagai sebuah badan komersil, tidak adil ia diminta menyediakan subsidi kepada orang ramai.

"Kerajaan seharusnya memberi subsidi," katanya.

Beliau berkata jika kerajaan menjual MAS kepada seseorang atau mendapatkan orang untuk melabur dalam MAS, mereka tidak akan memberi subsidi untuk tambangnya.

"Jadi, orang ramai perlu sedar bahawa di Malaysia, semua bayaran adalah rendah, malahan kadar tol juga rendah. Di Malaysia, kita mahukan segalanya yang terbaik tetapi kita mahu bayar kadar kelas tiga," katanya.

Mengenai pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang akan dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung, Dr Mahathir berkata ia merupakan perkara biasa tanpa perubahan radikal.

"Kita mahu pastikan bahawa pendaftaran pengundi adalah jelas tanpa sebarang kekeliruan dan akan diterima oleh semua pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata pendaftaran secara automatik bagi mereka yang mencapai umur 21 tahun ditolak oleh kerajaan kerana ia akan menimbulkan banyak tuduhan mengenai pengundi hantu.

-- BERNAMA

SR YBK AHH MAI